

Qalam

Majalah bulanan terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 11 – Jun 1951 – Senaskhah 60 sen.

APA TUJUANNYA

-----*-----*

Di dalam suratnya kepada kita, yang juga nampaknya telah tersiar di dalam akhbar harian tempatan, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal agama UMNO Malaya telah menulis suatu penerangan tentang harus terbit salah faham orang ramai kepada perkara “loteri UMNO” dan nasihat-nasihatnya sebahagian daripadanya demikian:

“Dengan hal yang demikian inilah saya berasa wajib memberi penerangan yang jelas di atas masalah ini. Masa masalah loteri dibincangkan di dalam Mesyuarat Agung yang lalu saya telah diminta oleh seorang wakil memberi pandangan dan nasihat dan saya pun lalu memberi pandangan dan nasihat dengan berkata (bahawa masalah loteri) adalah satu masalah yang telah sedia fatwa-fatwa dari mufti Mesir dan Mekah mengatakan iaitu satu jenis daripada judi dan tiap-tiap judi itu adalah haram hukumnya dengan nas Quran. Tetapi saya menambah kata hanyalah ada suatu perkara yang patut dihalusi, iaitu adakah hakikat loteri yang telah difatwakan oleh ulama-ulama yang tersebut dengan haramnya itu menepati sebagaimana hakikat loteri yang baharu hendak ditaja oleh UMNO itu. Kerana perkataan loteri itu bukannya bahasa Melayu dan bukannya bahasa Arab maka sayugialah kita berlegang kepada hakikat apa yang telah difatwakan maka kata saya lagi perkara hendak menimbang dan menghalusi perkara yang tersebut bukanlah perkara yang boleh dibuat oleh mesyuarat agung UMNO kerana itu adalah masalah syariat yang berkendak kepada hal-halnya dan saya terus menyanggup akan membawa perkara itu ke dalam persidangan ulama

yang telah dijadualkan pada 27 Julai 1951.”

Kita menyambut penerangan ini dengan rasa terharu oleh kerana kita memandang bahawa penasihat agama UMNO itu nampaknya telah mencuba menawarkan sesuatu dalih ke atas suatu masalah yang telah sarif hukumnya dengan tepat. Dengan sifatnya sebagai penasihat agama yang telah ditanya oleh orang yang jahil atas perkara agama di dalam persidangan UMNO itu menuntut “memberi pandangan dan nasihat” daripadanya maka sepatutnya pada masa itu juga ia memberi keputusan kepada barang yang sarif itu kerana walau bagaimanapun hendak didalihkan dan dicari jalan bahawasanya loteri itu ialah judi dengan tidak syak walau sedikit pun.

Kita dan harus juga orang ramai tidak akan berkata apa-apa di dalam perkara ini sekiranya perbuatan-perbuatan maksiat itu dilakukan oleh diri seseorang dengan kita hanya wajib memperingatkan atas umum bagi sesuatu perkara tetapi perkara loteri itu adalah membawa atau menggalakkan orang lain kepada mengerjakan pekerjaan-pekerjaan maksiat dan perbuatan-perbuatan mencari-cari helah itu bolehlah dimaknakan sebagai mencari sesuatu jalan untuk menghalalkan barang yang telah diharamkan oleh Allah.

Kita berharap barang yang lalu itu hendaklah ia menjadi peringatan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Agama UMNO itu kemudian hari supaya berani berkata dengan terang dan tepat bahawa sesuatu yang haram itu hendaklah diharamkan pada masa itu juga jangan berpendapatan sungguhpun “telah sedia ada fatwa-fatwa dari mufti Mesir dan Mekah mengatakan iaitu suatu jenis daripada judi” tetapi di lain fasal pula dibuat dalih “adakah hakikat loteri yang telah difatwakan oleh ulama2 yang tersebut (Mesir dan Mekah) dengan haramnya itu menepati sebagaimana hakikat loteri yang baharu hendak ditaja oleh UMNO itu” – Pada hal walau bagaimanapun keadaannya, sama ada loteri itu bukan “bahasa Melayu dan bukan bahasa Arab” tetapi umum telah tahu bahawa maknanya beradu nasib dan orang yang mengadakannya itu bermakna menggalakkan maksiat yang tersebut

(Sambungannya pada muka 39)

(sambungan daripada muka 3)

Kita tidak mengatakan bahawa masalah itu mesti difikirkan empat lima bulan kemudian oleh suatu lajnah yang besar oleh kerana masalah itu suatu masalah yang terang yang tidak mesti ditangguhkan menetapkan kepada suatu persidangan yang lain yang dilunasi empat lima bulan atau mereka yang jahil akan berpendapatan bahawa ada kelulusan mengadakan satu dua jenis loteri yang satu nama tetapi berlainan-lainan caranya pada hal telah itlak haramnya itu kedudukannya sebagai penasihat itu hendaklah ditepati berani memberi nasihat atas perkara-perkara yang hak dengan terus terang dengan tidak cuba berdolak-dalik adanya.

-----*-----*-----

SELAMAT HARI RAYA

Pada tahun ini Qalam akan menerbitkan kad-kad selamat hari raya. Percayalah tuan-tuan akan berpuas hati dengan kad-kad keluaran Qalam .

Perhatilah kelak maklumat-maklumatnya kemudian.

-----*-----*-----

SYAABAN

(Oleh Pencinta Kalam)

Selesai Rejab diganti Syaaban
Masanya tetap tidak mereban
Jalannya rasa bagai dihumban
Siapa lali rugi dan heban.
Demikianlah masa terus bergilir
Tak pernah mudik melainkan hilir
Siapa tak ingat leceh dan lilir
Tinggallah digusi lidah terjelir.
Perjalanan masa berganti-ganti
Perginya tidak mahu menanti
Ingatlah tuan encik dan siti
Untuk kebajikan hidup dan mati.
Terutama Syaaban bulan yang berkat
Bulan puasa hampirlah dekat
Lajar dan latih nafsu disekat
Iman dan amal biar sepakat.
Rajin usaha carilah nafkah
Untuk diri untuk sedekah
Dunia akhirat jangan bertelingkah
Kerjakan suruh tinggalkan tegah.
Rebut dan cari berapa kuasa
Sediakan bekal untuk puasa
Untuk ibadat membuat jasa

Kerana Allah Tuhan yang Esa.
Apa yang wajib hendaklah ingat
Ain kifayah kerjakan sangat
Angan-angan jangan dilayankan sangat
Merosakkan diri melemahkan semangat.
Lemah semangat hilang tenaga
Malas bekerja tak mahu berniaga
Hidup di dunia lapar dan dahaga
Di akhirat pula tak mencium syurga.
Alim ulama telah berkata
Bulan Syaaban bulan juwita
Saidina Muhammad junjungan kita
Membanyakan puasa berdo'a serta.
Kepada Allah memohon rahmat
Diberi petunjuk sekalian umat
Demikian hamba Allah dipohonkan selamat
Kepada Allah supaya berkhidmat.
Sayugialah kita orang Islam
Turut perjalanan Alaihissalam
Dunia akhirat ceria dan salam
Supaya terlepas lemas tenggelam.
Usahlah khayal kufurkan nikmat
Lupakan kubur lupakan kiamat
Kadarlah (sadarlah) diri hamba dan umat
Dunia akhirat insya-Allah selamat.



Almarhum Hussein Fahmi Sadik dan Asilah Hanum ayah dan ibu bagi Permaisuri "Nariman" Mesir ayahnya meninggal tahun yang lalu. Pada masa hayatnya ayahnya berjawatan Seorang jurutera sehingga akhirnya telah menjadi Setiausaha Jabatan Menteri Perhubungan.